



'Kami tuntutan pampasan RM15 juta'

Projek mega pembinaan benteng hakisan ombak didakwa jejas mata pencarian lebih 400 nelayan

■ NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - Lebih 400 nelayan dari enam pangkalan sekitar Tanjung Piai di sini, menuntut pampasan sebanyak RM15 juta berikutan projek mega pembinaan benteng hakisan ombak di kawasan berkenaan yang menjejaskan mata pencarian mereka.

Mereka terdiri daripada nelayan di pangkalan Chokoh, Perpat, Tanjung Piai, Pengkalan Penghulu, Sungai Durian dan Pengkalan Melayu Kukup Laut.

Bagi memastikan kebajikan nelayan diberi perhatian, mereka menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bertindak Nelayan Tanjung Piai bagi menangani kesan projek mega terbabit.

Pengerusinya, Mansor Mahidin berkata, nelayan tidak pernah menolak sebarang

projek pembangunan dan pemuliharaan yang dijalankan lebih-lebih lagi di kawasan Tanjung Piai.

"Tapi, kami mohon nasib nelayan pantai di sini diberi perhatian oleh pihak-pihak bertanggungjawab dalam melaksanakan projek mega tersebut.

"Kami bergantung hidup dengan laut, seharusnya nelayan didahulukan sebelum sebarang projek hendak dilaksanakan," katanya ditemui di Pengkalan Penghulu, semalam.

Mansor berkata, pembinaan tembok hakisan ombak sepanjang kira-kira 2.3 kilometer dengan kelebaran dari pesisir paya bakau ke laut menecah 500 meter di Tanjung Piai merupakan kawasan yang memiliki khazanah laut seperti ikan dan udang yang banyak.

Beliau mendakwa, projek



Nelayan setempat mahu nasib mereka diberi perhatian oleh pihak yang melaksanakan projek mega tersebut.

mega itu akan mengakibatkan kawasan laut musnah dan seterusnya membentuk kawasan daratan baharu akibat benteng hakisan tersebut.

"Akibat kerja penambakan projek itu, kawasan laut yang

menjadi tempat nelayan menangkap ikan dah tiada lagi.

"Kami bimbang lebih banyak kawasan laut yang terjejas dan seterusnya mengancam 'periuk nasi' kami," katanya yang merayu kerajaan

negeri dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ismail Mohamed, membantu membela nasib mereka dengan mendapatkan pampasan yang sewajarnya.

Dalam pada itu, Mansor

turut melahirkan kekesalan kerana surat yang dihantar kepada agensi dan exco terlibat tidak dibalas meskipun tempoh masa telah diberikan kepada mereka.

"Sejak projek mega tersebut dijalankan pada Oktober tahun lepas, Jawatankuasa Bertindak Nelayan sudah menghantar surat kepada beberapa agensi dan exco terlibat.

"Surat yang dihantar lebih kepada rayuan agar perbincangan semula diadakan dengan nelayan dan seterusnya mengambil kira nasib nelayan di sini.

"Namun, kami kesal kerana tiada sebarang jawapan yang diberikan kami sudah menunggu hampir empat bulan," katanya.

Oleh demikian, pihaknya berharap tindakan diambil bagi membantu menyelesaikan masalah dihadapi nelayan.